



26 SEP, 2025

Malaysia berminat belajar amalan terbaik EU realisasi grid tenaga ASEAN

Sinar Harian, Malaysia



Malaysia berminat belajar amalan terbaik EU realisasi grid tenaga ASEAN

KUALA LUMPUR - Malaysia berminat untuk belajar daripada pengalaman Kesatuan Eropah (EU) dalam mewujudkan grid tenaga seiring dengan langkah ASEAN meningkatkan usaha untuk merealisasikan Grid Tenaga ASEAN (APG), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, EU menawarkan model komprehensif mengenai pertukaran tenaga elektrik rentas sempadan, yang dapat membantu negara anggota ASEAN jangka dan menangani cabaran kawal selia, kewangan dan teknikal.

“EU telah mempunyai pertukaran tenaga rentas sempadan dan ini penting untuk kita melihat apa yang telah mereka lakukan, masalah dihadapi dan langkah menanganinya.

“Dengan sedemikian, akan ada jalan singkat untuk kita,” katanya kepada pemberita selepas menjadi ahli panel pada sesi memperkasakan pertumbuhan ekonomi hijau ASEAN pada Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN-EU 2025 di sini pada Khamis.

Fadillah berkata, Malaysia turut berhasrat untuk mewujudkan bengkel khusus dengan rakan-rakan dari EU untuk mengkaji penyelesaian praktikal bagi ASEAN daripada kawal selia yang selaras kepada rangka kerja pembiayaan.

“Ini adalah perkara yang boleh kita pelajari daripada model kewangan, aspek teknikal, cara mereka menyelaraskan peraturan dan kawal selia serta langkah mereka menangani cabaran dalam pertukaran tenaga elektrik rentas sempadan,” katanya.

Beliau turut yakin kerjasama ASEAN dengan EU dapat membantu memacu kemajuan ke arah grid tenaga serantau yang lebih bersepadu.

Katanya, ASEAN telah mempunyai projek perintis perdagangan elektrik rentas sempadan melalui projek integrasi tenaga Laos-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS), yang boleh dijadikan asas kepada jaringan yang lebih luas.

“Ia hanya mengenai memperluaskannya dan meneliti perbezaan dari segi piawaian, amalan dan peraturan dalam kalangan negara anggota lain. Dari situ, kita akan mengusahakannya,” katanya.

Fadillah berkata, memorandum persefahaman (MoU) untuk meningkatkan lagi kerjasama serantau mengenai APG akan dimeterai pada Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN akan datang dalam tempoh dua minggu. - *Bernama*